



PROSIDING

SEMINAR ANTARABANGSA KEDAH : HISTORIOGRAFI NUSANTARA



27-28 MEI 2025
(RABU - KHAMIS)



PERPUSTAKAAN DIGITAL KEDAH

Anjuran

Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK)

Rakan kerjasama

Universiti Utara Malaysia (UUM)
Persatuan Sejarah Lisan Malaysia (PSLM)

Rakan strategik

Kementerian Perpaduan Negara
Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM)
Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Kedah (JKKN)
Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)
Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)
Kedah Tourism
Lembaga Muzium Negeri Kedah
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK)
Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH

www.kedahlib.gov.my

Ikuti Kami :



**PROSIDING
SEMINAR ANTARABANGSA KEDAH:
HISTORIOGRAFI NUSANTARA**

EDITOR

Profesor Madya Dr. Mohamed Ali Haniffa

Profesor Madya Dr. Mohd Kasri Saidon

Noraini binti Abd Rahman

Solehah binti Mohammad Rodzi

Noor Faisni binti Abdul Rani

PENYUSUN

Noraini binti Abd Rahman

Solehah binti Mohammad Rodzi

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH
2025**

**HISTORIOGRAFI NUSANTARA DALAM SENI KONTEMPORARI: INTERPRETASI
SEJARAH, BUDAYA, DAN IDENTITI MELALUI KARYA ROSLISHAM ISMAIL @ ISE
DAN AHMAD FUAD OSMAN**

Baktiar Naim bin Jaaffar
Balai Seni Negara
e-mel: baktiar@artgallery.gov.my

Mohamad Faizuan bin Mat
Institute of Creative and Technology (iCreaTe),
e-mel: mmfaizuan@unimas.my

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan usaha membina perspektif baharu dalam menyelidiki historiografi Alam Melayu dan Nusantara melalui karya seni kontemporari. Penelitian terhadap sejarah, budaya dan antropologi Melayu ini dilakukan ke atas karya-karya seni kontemporari oleh dua seniman iaitu Roslisham Ismail @ ISE dan Ahmad Fuad Osman di Pameran NUSA, sebuah pameran koleksi tetap Balai Seni Negara. Penelitian dan pemerhatian ini dilaksanakan dengan menerapkan kaedah Praktik sebagai Penyelidikan atau Practice as Research (PaR). Pa Rini dijalankan dengan mendirikan pameran NUSA itu sendiri serta mengamati karya dari dua seniman tersebut. Kajian ini menemui terdapat penerapan interdisiplin yang menggabungkan sejarah, budaya, dan seni visual untuk menginterpretasi semula naratif tradisional pada karya-karya dua seniman tersebut. Elemen-elemen historiografi, seperti peristiwa, tokoh, dan simbol, dapat diterjemahkan menjadi mesej visual yang relevan dengan konteks semasa. Selain itu, aspek keunikan identiti Nusantara, seperti adat, mitos, dan tradisi lisan, yang dijadikan inspirasi utama dalam penciptaan karya seni juga ditonjolkan dalam pengkaryaan seni kontemporari. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa terdapat potensi pada seni kontemporari sebagai medium komunikasi yang mampu menyampaikan sejarah dengan cara yang dinamik dan inklusif. Hasil dapatan dan dokumentasi dari kajian ini diharapkan dapat memperkayakan wacana terhadap seni kontemporari, historiografi, identiti serta menggalakkan pemahaman mendalam tentang warisan Nusantara dalam konteks global.

Kata Kunci: *Historiografi Melayu, Nusantara, Seni Kontemporari, Roslisham Ismail @ ISE, Ahmad Fuad Osman*

ABSTRACT

This article discusses efforts to develop a new perspective in exploring the historiography of the Malay World and the Nusantara through contemporary art. The study examines the history, culture, and anthropology of the Malay world as reflected in contemporary artworks by two artists, Roslisham Ismail @ ISE and Ahmad Fuad Osman, showcased in the NUSA exhibition, a permanent collection of the National Art Gallery. This research employs the Practice as Research (PaR) methodology, which involves curating the NUSA exhibition itself while closely observing the works of these two artists. The study finds that there is an interdisciplinary approach that integrates history, culture, and visual arts to reinterpret traditional narratives within their artworks. Elements of historiography—such as events, figures, and symbols—are translated into visual messages that remain relevant to contemporary contexts. Furthermore, the uniqueness of Nusantara identity—embodied in customs, myths, and oral traditions—serves as a primary inspiration in the creation of contemporary artworks. Therefore, it can be concluded that contemporary art has the potential to function as a communicative medium capable of conveying history in a dynamic and inclusive manner. The findings and documentation from this study are expected to enrich the discourse on contemporary art, historiography, and identity while fostering a deeper understanding of Nusantara heritage within a global context.

Keyword: *Malay historiography, nusantara, contemporary art, roslisham ismail @ ISE, Ahmad Fuad Osman*

1.0 Pengenalan

Penyelidikan ini bertujuan memperlihatkan kesedaran seniman seni visual dalam mengali kembali kefahaman dan perspektif baharu dalam membina karya seni kontemporari berdasarkan historiografi alam Melayu dan Nusantara. Praktik seniman seni visual telah mengalami perubahan fenomena dalam era 80an iaitu semangat revivalist (penggiat kebangkitan) pelukis Melayu yang mempersembahkan nilai dan bentuk-bentuk kebudayaan Melayu/Islam dalam penciptaan karya seni.

Penentangan terhadap ancaman pengaruh-pengaruh Barat yang meresapi proses modenisasi masyarakat, turut memberi kesan kepada pelukis - pelukis Melayu. Impak dan kesan daripada Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dan Seminar Akar-Akar Kesenian Peribumi (1979) telah mempengaruhi kesedaran pemikiran seniman Melayu di era 80-an. Menurut Piyadasa (1981) kemunculan pengaruh-pengaruh revivalist Melayu ini adalah satu fenomena seni yang menarik dan patut diberi perhatian. Hasilnya, pengkaryaan karya seni visual Melayu mula terarah kepada persoalan identiti yang merangkumi nilai etnosentrik budaya Melayu dan kesedaran Islam. Selain itu, Zainol Shariff (1994) menyatakan bahawa dua bentuk manifestasi proses pengIslaman seni moden Malaysia dapat dilihat pada karya-karya yang dihasilkan. Bentuk pertama adalah golongan pengkarya yang secara umumnya menghindari penggunaan imej lembaga/figura yang menyerupai citra natural pada karya-karya mereka, bukan semata-mata kerana hukum haramnya di sisi ajaran Islam tetapi kerana teruja dengan konsep abstraksi (mujarad) yang diperkenalkan oleh gerakan avant-garde internasionalisme.

Namun, kesedaran ini semakin rapuh dan tidak bertahan oleh seniman terutamanya pada dekad seterusnya (di antara 1990 hingga 2020) dan pluralisme serta konteks seni kontemporari menenggelamkan kesedaran tersebut. Menurut Zainol Shariff (1994), konsep jiwa “Nusantara” atau “tropikalisme” mungkin boleh diangkat dalam persekitaran avant-garde tempatan (di antara 1960 hingga 1970) yang selesa dengan kefahaman estetika Barat tahun 1960-an dan suasana penentangan budaya dari sudut empati spiritual tanpa batas pada dekad 70-an. Namun konsep itu gagal dipertahankan pada dekad seterusnya kerana konsep multiracial dan perubahan sosio-budaya serta kemunculan konsep pascamodenisme. Inilah latar belakang sosio-budaya serta politik yang melahirkan seniman seni visual kontemporari yang kabur terhadap persoalan identiti dan jatidiri seni rupa kebangsaan serta menawarkan praktis seni pasca-moden Barat dengan menyoal kembali sejarah, identiti dan nilai estetika. Penghasilan karya seni mereka tidak statik kepada lukisan dan arca tetapi multi-disiplin dengan kewujudan seni persembahan, video dan seni pemasangan. Zainol Shariff (1994) sekali lagi menegaskan bahawa karya-karya mereka tidak juga ketara dari segi formalistik tetapi sebaliknya terpesona dengan keghairahan serta ragam idiosyncratic (gaya seni yang sangat khas dan tersendiri) dalam komentar sosial, mereka kelihatan mengikut jejak langkah amalan pluraslistik seni pasca-moden Barat.

Dalam konteks kajian ini, faktor dan kesedaran seniman seni visual dalam mengkaji historiografi alam Melayu dan Nusantara ditinjau menerusi karya seni kontemporari. Segelintir seniman seni kontemporari mula memberi kecenderungan menghasilkan karya berdasarkan historiografi. Kajian ini akan memfokuskan kepada disiplin praktik dan fenomena sezaman dalam perubahan pemikiran seniman seni visual. Kepentingan pengkajian ini adalah untuk mengetahui perubahan gaya dan pemikiran seniman seni visual dalam menghasilkan karya seni kontemporari dengan menjadikan sejarah alam Melayu dan Nusantara sebagai subjek dan intipati karya. Perkara ini sangat penting untuk melihat wujudnya kesedaran terhadap historiografi terutamanya terhadap alam Melayu khususnya, dan Nusantara secara amnya.

2.0 Kajian Literatur

Sejarah sering menekankan pembangunan sebagai tujuan utama seolah-olah ingin menuju utopia. Akibatnya, perkara lama dianggap usang dan ketinggalan zaman tanpa memberi peluang untuk diperbaharui. Sejarah juga cenderung menolak pengalaman kuno kerana tidak percaya bahawa ia boleh membawa kemungkinan baharu. Kemungkinan baru dan potensi baru ini adalah kata kunci dalam kajian ini dalam mengenalpasti karya - karya seniman kontemporari (limitasi kajian di antara tahun 2010 hingga 2024) yang menggunakan subjek historiografi dalam penghasilan karya seni. Historiografi ini sebagai mesej selain memberi perspektif baru dalam sejarah alam Melayu dan Nusantara. Jika dilihat kepada perkembangan seni di Malaysia pada dekad 1990-an, seniman seni

visual merujuk kepada budaya asli sebagai pengaruh dan rujukan identiti. Tanah Melayu (kini Malaysia) adalah negara *entrepôt* (Pelabuhan pedagang) sejak millenium dan telah digelar dengan nama The Golden Khercomese-Semenanjung Emas-Purvana Dipa. Ini bermakna kedatangan orang-orang luar yang silih berganti sejak zaman paleolitik lagi telah memperkayakan negara ini dengan seni dan budaya sehingga menjadikan ianya kawah pergaulan dan pertemuan budaya (Arus, 2008). Menurut Arus (2008) ramai pelukis muda yang didorong oleh budaya asli telah menghasilkan siri karya yang mantap iaitu seperti Kelvin Chap Kok Leong, Raphael Scott Ahbeng, Shia Yih Ying dan Bayu Utomo Radjikin. Mereka ini telah dipengaruhi oleh elemen budaya dan pengaruh asli dan peribumi.

Peredaran masa telah mempengaruhi seniman seni visual berevolusi dalam mencari subjek melalui pemerhatian kepada tradisi dan kelompok sosial masyarakat yang unik seperti kaum peribumi dan etnik di Borneo. Pencarian ini semakin mudah dengan kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi moden dalam memberikan perincian yang jelas terhadap pengkajian terhadap sesuatu topik dalam pembentukan sesebuah penciptaan karya seni kontemporari. *Internet* adalah sumber pencarian yang mudah dan cepat, ini berbeza dengan seniman terdahulu yang perlu melakukan kajian lapangan (*field research*) dan kajian literatur dengan sumber yang terhad. Sebagai contoh, bagaimana Paul Gauguin mengembara ke Tahiti dan Papeete untuk mengenali masyarakat dan etnik serta kesenian primitif dijemakan dalam karya cetakan dan lukisannya. Kaedah pemerhatian yang lain, adalah mengunjungi perpustakaan dan muzium-muzium yang mempunyai dan mempamerkan bahan dan objek tradisi. Maklumat ini berguna untuk seniman mencerna dan merangsang mereka untuk menghasilkan karya yang berinspirasi daripada cerita dan objek tradisi tersebut. Topeng dan patung Afrika telah menarik minat pengumpul seni di Eropah lalu dipamerkan di muzium-muzium antropologi dan antikuiti di Paris. Perkara ini juga menarik perhatian pelukis seperti Picasso serta pelukis barat yang lain untuk menyelidik ukiran topeng dan patung bagi meningkatkan mutu karya mereka yang semakin malap dan kehabisan model oleh asakan industrialisasi. Dalam konteks ini, pelukis atau seniman dilihat sentiasa menginginkan perubahan dan pembaharuan dalam penghasilan karya bagi mendepani masa depan. Menurut Ismail Zain (1979) sejarah sebagai satu ideologi adalah sejarah yang berorientasikan masa hadapan. Dengan itu, pengalaman yang melanggar ideologi ini adalah dianggap sebagai kuno atau yang mundur ...dan sejarah sanggup melihat permusuhan pengalaman kuno kerana ia tidak mempercayai bahawa pengalaman kuno mempunyai kemungkinan permulaan baharu.

Dalam konteks ini, penjenamaan semula penghasilan karya seni dengan mengubah bentuk dalam pembinaan makna dan perspektif baru kepada karya yang bertema atau bersubjekkan sejarah perlu melihat juga kepada siapa pengkaryanya, latar belakang dan tahap pendidikannya. Menurut Badrolhisham (2000) sejarah telah membuktikan tradisi 'menghidupkan semula' boleh merosakkan sejarah. Pandangan ini memperlihatkan bagaimana lingkaran persekitaran seniman secara intelek dan keberadaan global memainkan peranan penting dalam mempengaruhi seniman memilih sejarah/historiografi sebagai subjek/ tema pengkaryaan. Bentuk kesenian dahulu telah berkembang dan berbeza berbanding sekarang dari segi tahap penjenisan dan kegunaannya, (Badrolhisham, 2024) dan kita mengharapkan satu inovasi agung yang dapat merubah keseluruhan konsepsi 'teknik kesenian' bagi mempengaruhi penemuan 'simbolik artistik' yang dapat menghasilkan perubahan yang menakjubkan ke atas kesenian lampau.

Menurut Grayling (2010) menyoroti dua pengertian utama perkataan "sejarah": pertama, peristiwa yang berlaku pada masa lalu, dan kedua, akaun yang ditafsirkan daripada dokumen dan artifak yang tinggal. Menurut Grayling, walaupun akaun tersebut merupakan anggaran yang tidak lengkap bagi peristiwa sejarah, ia tetap dianggap sebagai sumber maklumat terbaik mengenai masa lalu, berikutan kecenderungan manusia untuk mengabaikan, melupakan, dan memutarbelitkan fakta. Namun demikian, seperti yang diingatkan oleh Grayling, nilai laporan saksi bergantung pada beberapa faktor, termasuk konsistensinya dengan sumber bebas, butiran yang memberi rasa realiti,

pengetahuan kontekstual untuk mengungkapkan motif atau berat sebelah, kebolehpercayaan berdasarkan pengetahuan umum pada masa tersebut, dan pemahaman terhadap sifat manusia.

3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan Penyelidikan Berasaskan Praktis (*Practice as Research*) sebagai satu kaedah yang sesuai bagi bidang seni visual seperti proses pengkuratoran pameran. Seperti yang dinyatakan oleh Sullivan (2009), mengenalpasti empat perkara penting dalam melaksanakan kaedah *Practice as Research* yang boleh digunakan dan sesuai iaitu; i) *Theoretical*, (ii) *Conceptual*, (iii) *Dialectical* dan (iv) *Contextual*. Penyelidik menggunakan empat perkara penting ini diselaraskan dalam proses membina sebuah pameran seni iaitu dari penyelidikan literatur, lapangan sehingga ke proses pengurusan dan peragaan pameran. Menurut Nelson (2013), mengatakan *Practice as Research* (PaR) melibatkan projek penyelidikan di mana praktis adalah kaedah dalam pertanyaan tentang sesuatu bukti yang penting dalam bidang praktis seperti penulisan kreatif, tarian, muzikal, persembahan, teater, pameran seni visual, filem dan pelbagai bentuk praktis kebudayaan. Selain itu, beliau juga membina gambarajah bagaimana model PaR ini dapat membentuk epistemologi iaitu dengan tiga kaedah iaitu *Know How*, *Know That* dan *Know What*.

Tiga model ini merupakan kerja seorang penyelidik yang terlibat dalam proses kreatif seperti tugas seorang kurator. Proses "*Know How*" pengetahuan yang wujud di dalam (*insider factor*) diri seorang *practitioner* sebagai penyelidik yang memiliki ilmu pengetahuan tentang sejarah, cara penghasilan, dan makna tersirat dalam sesuatu jenis karya/ genre. Proses kedua "*Know That*" iaitu pengetahuan tersirat dijelas dengan refleksi secara kritikal seperti seorang kurator dapat menjelaskan bagaimana cara sesebuah karya dihasilkan, apakah kaedah yang digunakan, apakah maksudnya dan sebagainya. Proses ketiga iaitu "*Know What*" iaitu melibatkan pihak ketiga iaitu penghayat, pengunjung dan masyarakat memahami tentang hasil atau pengkaryaan yang telah dipamerkan serta ia juga melibatkan cadangan mengenai kognitif yang mampu menjana satu pengetahuan kepada masyarakat. Sebagai contoh, bagaimana seorang kurator dapat menerangkan tentang pameran sehingga masyarakat dalam menyelami dan menerima satu pengetahuan baru yang mampu mengubah persepsi dan penghayatan masyarakat. Kesimpulannya, kaedah Penyelidikan Berasaskan Praktis (*Practice as Research*) ini dapat mencungkil persoalan yang bersifat intuitif dari seorang *practitioner* dan direfleksikan dalam kajian ilmiah yang mampu memberikan tentang pengetahuan ilmu dalam setiap bidang seni dan budaya.

Dalam konteks kajian ini, kaedah PaR telah dijalankan ke atas Pameran NUSA iaitu pameran koleksi tetap yang bermula pada 15 Jun 2021 sehingga Jun 2025 di empat buah galeri di Balai Seni Negara. Sebagai kurator pameran ini, penyelidik telah memfokuskan kepada dua seniman yang didapati mengutarakan elemen sejarah dalam pengkaryaan mereka. Kuratorial Pameran NUSA sebagai kaedah penyelidikan ini dengan melibatkan eksplorasi konsep, pemilihan karya, penyusunan naratif visual serta analisis kontekstual terhadap karya dan khalayak. Beberapa perkara yang ditekankan dalam proses PaR ini adalah seperti berikut:

- i. Menghasilkan pengetahuan baru- proses pemilihan dan penyusunan sesebuah pameran membantu meneroka persepektif baharu terutamanya yang berkaitan dengan alam Melayu dan Nusantara.
- ii. Memperlihatkan hubungan karya dan wacana – dalam konteks ini, pameran NUSA sebagai landasan untuk menghubungkan karya seni dengan alam Melayu dan Nusantara yang sedang dibincangkan.
- iii. Mendokumentasikan proses kuratorial – kajian kuratorial pameran NUSA merangkumi dokumentasi keputusan kuratorial, temubual bersama seniman, analisis respon khalayak serta laporan akhir pameran.
- iv. Menyediakan ruang eksperimen – pameran NUSA ini juga berfungsi sebagai eksperimen visual dan historiografi Melayu dan penyampaian secara semiotik.

Seminar Antarabangsa Kedah: Historiografi Nusantara
27 -28 Mei 2025

1.	Roslisham Ismail aka ISE	Langkasuka Cookbook (2012)	7thAsia Pasific Triennale, Australia	Projek Buku masakan ini juga menjejaki sejarah masakan tersebut ke kerajaan Langkasuka yang kuno. Berkongsi resipi dan cerita dari rumah persendirian, buku Ise memberikan pandangan yang menarik dan lazat ke dalam kehidupan yang berbeza, menyentuh persoalan sosial, budaya dan ekonomi yang lebih luas melalui proses universal, namun sangat khusus, membeli, memasak dan menikmati makanan.
	b.1972, Kelantan - d.2019 Kuala Lumpur	Serati Solor (2014)	'Langkasuka Cookbook Project' Instalasi di Salihara, Jakarta, Indonesia (2014)	
		Sira Pisang (2015)	National Gallery Singapore (2015)	
		ChronoLOGICal	Archipel Secret show at Palais de Tokyo, Paris (2015)	Dalam karya ini, beliau menjejaki sejarah kampung halamannya, Kelantan. Beliau mencatatkan garis masa dari zaman purba seawal 15,000 tahun yang lalu hingga ke masa kini. Dalam 'chronoLOGICal',
		ChronoLOGICal	Escape From the SEA, National Art Gallery, Malaysia (	Beliau menggabungkan sejarah Kelantan yang kaya dengan cerita rakyat, yang membangkitkan imej negeri ini sebagai sesuatu yang mitos dan epik.
		ChronoLOGICal (2018)	Asian Art Biennale, National Taiwan Museum of Fine Art, Taiwan (2019-2020)	
		ChronoLOGICal (2019)	Shahjah Biennale, Turkiye (2019)	
		ChronoLOGICal (2021)	NUSA, Balai Seni Negara, Malaysia (2021-2025)	
	AnOther Story	Sunshower, Mori Art Museum, Jepun (2017)		Dialog dengan Sejarah mengumpulkan artis lama dan baru untuk mewujudkan dialog merentas generasi. Ise menggunakan bahan arkib berkaitan sejarah Penaklukan Jepun di Tanah Melayu dengan mengambil sejarah oral di negeri kelahirannya, Kelantan dan perbatasan Siam. Beliau cuba mentafsirkan peristiwa lalu melalui seni kontemporari, dengan

Seminar Antarabangsa Kedah: Historiografi Nusantara
27 -28 Mei 2025

				menggabungkan pelbagai pandangan yang berbeza dari zaman peristiwa asal.
2.	Ahmad Fuad Osman	Enrique de Malacca Memorial Project	Singapore Biennale (2016)	Sesetengah orang percaya bahawa orang pertama yang mengelilingi dunia adalah seorang Melayu, Panglima Awang (juga dikenali sebagai Enrique dari Melaka atau Henry the Black), yang merupakan hamba dan penterjemah Ferdinand Magellan. Seperti elemen budaya lain yang dikongsi secara sejarah di seluruh Asia Tenggara maritim, figura Enrique kini menjadi subjek tuntutan pemilikan dan sanggahan antara Malaysia, Indonesia, dan Filipina. Karya seni instalasi pelukis berbentuk sebuah tugu peringatan, memaparkan potret dan patung Enrique yang dibayangkan, bersama-sama dengan dokumentasi video, artifak, dan salinan dokumen. Dengan menggabungkan representasi kolonial, pascakolonial, dan nasionalis Enrique yang bercanggah dan kadangkala fiksiyen, artis tersebut merujuk kepada kerumitan identiti dan sejarah Enrique yang saling berkait, serta kelicinan sempadan sosio-budaya di Asia Tenggara, sambil menangani kesukaran untuk mengesahkan kebenaran, sesuatu sejarah.
	b.1969, Kedah	Enrique de Malacca Memorial Project (2019)	Sharjah Calligraphy Museum, Sharjah Biennial 14	
		Enrique de Malacca Memorial Project (2021)	NUSA, National Art Gallery, Malaysia	
	Ahmad Fuad Osman: At the end of the day even art is not important 1990 - 2019		Galeri 2A, National Art Gallery, Malaysia	
	Archipelagic Alchemy (2024)		A+ Gallery, Kuala Lumpur	Alkimia Kepulauan menggambarkan refraksi pascakolonial terhadap detik sejarah yang kurang dikenali ini. Melalui pertimbangan semula Osman terhadap pertukaran kepulauan ini, kita menemui sebuah andaian futuristik: kemungkinan zaman lain di mana ambang untuk memikirkan semula komposisi dunia mendedahkan dirinya dan orang ramai digesa untuk membayangkan semula tempat kita di dalamnya.

Jadual 1: Analisis Ringkas Karya Roslisham Ismail dan Ahmad Fuad Osman



Figure 5: Karya instalasi 'AniDus Story' (2017) Pameran SeniRupa (S) dan Mori Art Museum, Jepu.
(Sumber: Mori Art Museum)

"AniDus Story" adalah sebuah karya seni pameran oleh seniman Malaysia, Rodiahlan Ismail. Karya ini dipamerkan pada tahun 2017 di Mori Art Museum, Tokyo, sebagai sebahagian daripada pameran "TURNING: Seni Kontemporari dari Asia Tenggara 1980-an hingga Kini". Instalasi ini menggabungkan elemen sejarah yang kompleks, yang menjadi terdapat dalam tahun 1941 hingga 1945 di Kelantan, negeri asal Ismail yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand. Melalui penggunaan media seni rupa dan objek-objek miniatur, karya ini menelusuri memori panjang dalam sejarah Kelantan, di mana semangat nasionalisme berdebat dengan akibat perkembangan sistemasi Jepu dan berakibatnya pemerintahan kolonial British. Selain daripada, instalasi ini juga menampilkan poster, video, dan lukisan yang dipamerkan dan dibentangkan oleh Ismail, berdasarkan tema Ismail dengan penduduk tempatan yang bernama Ismail. "AniDus Story" menekankan kepentingan memori lisan dan memori hidup dalam memahami sejarah yang kompleks, serta menawarkan perspektif alternatif terhadap naratif sejarah rasmi.

Terdapat satu lagi karya oleh Rodiahlan yang mengexplorekan konsep historiografi iaitu *ChronoLOGICa* (Figure 6). Karya ini dipamerkan pada Sharjah Biennial ke-14 pada tahun 2019 di Sharjah, Emirat Arab Bersatu. Dalam instalasi ini, Ismail menelusuri sejarah warisan budaya beliau melalui dinding yang dipenuhi dengan peta, lukisan, dan objek, menceritakan sejarah Kerajaan Kelantan yang dipamerkan melalui lukisan airway dan cerita zaman kuno-kuno. "*ChronoLOGICa*" menggunakan naratif terhadap sejarah dan budaya tempatan, serta usaha beliau untuk mendokumentasikan dan menghasilkan semula naratif yang kurang diteliti melalui seni visual.



Figure 6: Karya instalasi 'ChronoLOGICa' (2019) di Sharjah Biennial, UAE.
(Sumber: Sharjah Biennial)

Analisis terhadap karya-karya oleh Rodiahlan Ismail mengarahkan pendekatan *Relational Aesthetics* oleh Nicolas Bourriaud. Berdasarkan Bourriaud (1998), setiap seni yang karyanya berurusan estetika hubungan (*Relational Aesthetics*) memiliki dimensi bentuk, isi, masalah, dan teknik yang unik. Karya-karya ini tidak dibentangkan oleh galy, tema, atau format yang sama. Sebaliknya, apa yang mengikatnya adalah kesatuan dalam upaya untuk mencipta dalam satu bentuk praktik dan teori yang serupa, lalu oleh hubungan antara manusia (*inter-human relations*). Karya-karya ini melibatkan kaulah perhubungan sosial, interaksi dengan penonton dalam pengalaman estetika yang ditawarkan, serta pelbagai proses komunikasi yang berhubung sebagai alat untuk menghubungkan individu dan komuniti manusia. Praktik naratif Rodiahlan adalah dengan naratif dalam bentuk "dunia" atau dari visual dengan tulisan tangan, serta penggunaan bahasa seperti peta, peta, dan objek-objek lainnya yang dipamerkan dengan objek-objek pameran dan objek-objek yang menggunakan budaya popular/budaya visual, seperti bahan arsitek (buku, keratan akhbar, poster, video dan fotografi) dan objek budaya industri seperti bahan cenderamata dan objek barisan domestik.

Tema-tema yang diungkap oleh pelukis adalah berurusan sejarah, historiografi, dan geografi. Beliau mengungkap tema-tema ini dalam bentuk karya yang menyeronokkan melalui "dunia" yang menarik perhatian dan menggabungkan. Gaya instalasinya agak sama dan berbeza dengan semua komposisi Malaysia yang lain. Selain itu, beliau memulakan persepai penghayat dengan mengungkap bahawa karya seni pelukis melalui bentuk seni visual seperti lukisan, foto, dan objek. Dengan ini, beliau memperkenalkan projek persembahan "Peta" sebagai sebahagian daripada karya seni beliau, yang dipamerkan dengan "seni lisan" atau dengan naratif manusia untuk memberikan pengalaman kepada penonton, bahawa ini adalah sebuah karya seni kontemporari. Menurut Rodiahlan (2017), setiap ini seniman diwujudkan secara lisan, tetapi melalui lukisan, beliau tidak melihatnya sebagai naratif visual. Pada masa lalu kami telah bahawa beliau sedang berdebat tentang perang dan bahawa esoknya ini dipamerkan sebagai peta, di mana beliau mewakili perang, dan mewakili bentuk, dan ini mewakili kehadiran tentera Langkat. Kami memahami bahawa Ismail memulakan melalui pendekatan tempatan

terkandung, mereka akan melihat melalui naratif membentangkan strategi perang mereka, dan apabila selesai, pada jejak yang terdapat dari para terdapat. Dengan cara ini, mereka memperoleh laksa-dunya—strategi dan strategi perang—daripada lukisan. Azima (2017) menyatakan bahawa lukisan tersebut merupakan upaya untuk mendokumentasikan pengalaman manusia-pusat-pusat-pusat yang dilengkap dengan seni lisan dengan seni keteknikan yang tinggi. Selain itu, lukisan ini juga memulakan melalui budaya dan kekayaan yang dimiliki. Masalah yang diungkap oleh masyarakat Langkat, seperti nasi goreng, nasi ketupat, nasi dagang, dan pelbagai jenis kari-kuah, menggambarkan kehidupan kerajaan pada zaman dahulu. Pelbagai teknik persembahan makanan serta seni dan warisan yang unik terus berkembang, terutamanya semasa persembahan negara moden pada abad ke-19. Sebagai sebuah naratif, Langkat telah menggabungkan warisan lisan yang sangat berharga.

ii. Karya-karya Berurusan Historiografi oleh Ahmad Fuzi Osman

Ahmad Fuzi Osman sememua seni visual yang merupakan ahli Kampar Mutakhir yang dihasilkan dengan karya-karya seni kontemporari yang mempunyai kontanar sosial. Pada tahun 2016, beliau dipamerkan untuk menyertai pameran Singapura Biennale bertajuk *An Artist of Memory* yang dipamerkan dari naratif seniman oleh Hutan Ammanah (dibentangkan pada tahun 1958) bertajuk Panglima Awang. Ingatan untuk menyedai naratif sejarah dengan menggunakan penyelidikan lisan dan penyelidikan lapangan. Menurut Ahmad Fuzi (2016) sejarah berhubung seperti cerita. Walaupun kita bergantung padanya untuk mendefinisikan masa lalu kepada diri kita, pemetaan efektifnya tidak selalu boleh dipercayai—ia memberi gambaran, memantapkan, dan membentangkan. Lagipun, jika sejarah benar-benar ditulis oleh pihak yang menang, apakah mana keharuan? Karya pertama kali memulakan *Enrique de Malacca* pada tahun 1985 dalam koleksi kecil buku Ismail Ismail. Ia adalah sebuah naratif bertajuk Panglima Awang yang ditulis oleh ahli *revisori* Malaysia, Hutan Ammanah.

Karya bertajuk *Enrique De Malacca Memorial Project* (2016) merupakan sebuah karya seni kontemporari yang dihasilkan berdasarkan buku Ismail Ismail, sememua dengan ahli akademik, nota-nota lapangan dan cerita-cerita rakyat setempat. Perkenalan Ismail, merupakan karya seni kontemporari yang menawarkan pandangan manusia dan memberi perspektif baharu kepada sejarah. Sebagaimana persembahan Panglima Awang ini menjadi sebuah naratif dalam menceritakan sejarah perjuangan serta ala Ismail Ismail, Indonesia dan Filipina yang memberikan pengalaman seperti Enrique de Malacca, Enrique de Cebu, Enrique Malaka, Diang Malik Siliak, Henrique, Henry, Heinrich, dan Panglima Awang. Menurut Michael (2016) sejarah memulakan bahawa penjajahan Portugis, Ferdinand Magellan, adalah manusia pertama yang mengunjungi bumi. Namun, selepas kematiannya pada 1521 semasa Perjalanan Magellan, adalah manusia manusia melengkapkan perjalanan tersebut. Berdasarkan alam sejarah tersebut, Fuzi berpegang bahawa penggambaran sebagai pelayar pertama dunia silih berganti diberikan kepada Enrique, seorang anak jati Kepulauan Malaya yang menjadi kapten Magellan. Sebagai penghormatan kepada Enrique, beliau menghasilkan *Enrique de Malacca Memorial Project* (2016) sebagai "peringatan lisan" untuk waktu kecil ini. Beliau telah menulis semula kisah Ismail Ismail sebagai naratif, kerana dia ingin mengungkap bahawa masa lalu boleh hadir dalam pelbagai bentuk: sebagai warisan dan pengajaran yang, walaupun memberi inspirasi, tetap terbuka untuk diteliti semula.



Figure 7: Enrique De Malacca Memorial Project (2016) di Sharjah Biennial, UAE.
(Sumber: Sharjah Biennial)

Selain itu, karya terbaru Ahmad Fuzi Osman yang bertajuk *Archipelago: A History* yang telah dihasilkan pada tahun 2024 membentangkan kepada satu episod sejarah kolonial yang melibatkan pertempuran dan pulau Ismail New Netherland (kini Manhattan) dan Pulau Ratu (yaitu satu Kepulauan Rempak, kini Kepulauan Maluku). Penggambaran pulau, di mana Pulau Ratu yang dimiliki Inggeris dipersembahkan dengan Pulau Manhattan yang pada waktu itu dimiliki Belanda, berlaku pada abad ke-17, dan merupakan salah satu persembahan dalam Perjanjian Ratu yang telah ditandatangani oleh Belanda dan Inggeris untuk menamatkan Perang Anglo-Belanda Kedua.



Figure 8: Archipelago: A History (2024) di A+ Gallery.
(Sumber: A+ Works of Art)

3.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan kajian literatur dan kajian lapangan terhadap pameran serta karya seniman. Didapati bahawa beberapa seniman seni visual di Malaysia sudah mula menggunakan pendekatan sejarah dalam membina perspektif baharu kepada pemahaman seni kontemporari. Dua orang seniman yang didapati menerapkan unsur sejarah dalam pengkaryaan mereka adalah arwah Roslisham Ismail @ Ise dan Ahmad Fuad Osman. Dibawah merupakan ringkasan biodata dua seniman tersebut:

1. Roslisham Ismail aka ISE



Sumber Gambar: <https://www.starcherish.com/>

Roslisham Ismail yang lebih dikenali sebagai Ise, dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1972. Beliau mempunyai minat mendalam dalam isu-isu berkaitan perhubungan sosial, peralihan generasi, silang budaya, kelas, dan geografi. Karya-karyanya merangkumi pelbagai media seperti lakaran, kolaj, video, objek pungutan, penerbitan, instalasi berpeserta, dan situasi. Ise sering bekerja secara kolaboratif, terutamanya dengan rangkaian sahabat yang digelar "Superfriends", yang tersebar di seluruh dunia. Beliau juga merupakan pengasas Parking Project dan pengasas bersama sentAp!, sebuah penerbitan seni dwibahasa suku tahunan. Sepanjang kariernya, Ise telah berkarya secara meluas, termasuk di arena antarabangsa. Antara pameran yang disertai adalah dengan OUR ArtProjects (2018) di Kuala Lumpur, Galeri ILHAM (2016), Balai Seni Visual Negara (2007), Residency Unlimited di New York (2016), Archipel Secret di Palais de Tokyo, Paris (2015), Operation Bangkok di Galeri Universiti Bangkok (2014), Biennale Seni Asia, Taiwan (2013 dan 2019), Biennale Singapura (2011), dan Biennial Sharjah (2019). Ise meninggal dunia pada 23 Julai 2019.

2. Ahmad Fuad Osman



392

Sumber Gambar: <https://galeri.khazanah.com.my/>

Ahmad Fuad Osman dilahirkan pada tahun 1969 di Kedah, merupakan seorang seniman multidisiplin terkenal, terutamanya dalam bidang instalasi dan catan. Setelah menamatkan pengajian di peringkat sarjana muda dalam bidang Seni Halus di Institut Teknologi Mara (kini UiTM) pada tahun 1991, beliau menjadi salah seorang pengasas MATAHATI, sebuah kolektif seni yang memainkan peranan penting dalam perkembangan seni kontemporari di Malaysia pada akhir dekad 1990-an. Karya-karyanya sering menentang tema-tema sosio-politik seperti kuasa, politik identiti, dan kelupaan sejarah. Ahmad Fuad telah berpameran di pelbagai negara, dan antara pameran terbaharu yang disertai termasuk *PRIMITIVE* di Galeri A+ Works of Art, Malaysia (2018), *Singapore Biennale: An Atlas of Mirrors* di Singapore Art Museum (2016–2017), *Multiple Languages* di Galeri Silverlens, Makati, Manila, Filipina (2014), serta *Welcome to the Jungle: Contemporary Art in Southeast Asia from the Collection of Singapore Art Museum* di Yokohama Museum of Art, Jepun (2013). Beliau kini tinggal dan berkarya di Kuala Lumpur, Malaysia.

Beberapa karya yang telah dihasilkan oleh kedua-dua seniman ini diteliti dan dianalisis untuk meninjau subjek, makna dan pendekatan yang telah digunakan. Di sini, satu jadual analisis ringkas telah dihasilkan untuk memudahkan proses tinjauan dilakukan.



Figura 14: Buku pameran NUSA 2021-2025, hadiah Balai Seni Negara, Kuala Lumpur, Malaysia memaparkan karya pelakon Roshidah Ismail aka ISE dan Ahmad Pual Osman (Sumber: Bakht Naim)

Secara ringkasnya, kedua-dua karya oleh Roshidah Ismail dan Ahmad Pual Osman menerapkan elemen sejarah, historiografi, budaya dan identiti Nusantara. Kedua-dua seniman ini agak kritikal dalam pengalihan naratif karya mereka apabila melihat karya-karya yang dihasilkan melalui naratif tradisional dan kolonial. Mereka dengan cerdas mengangkat subjek seperti sekolah, peristiwa, dan simbol sejarah ini dapat menjadi arkib visual alternatif, membentak kesadaran budaya, serta memperkukuh warisan Nusantara dalam dunia seni kontemporari. Kedua-dua seniman ini telah merembui ruang global, transformasi ideologi apabila menyertai pameran berprestij seperti *Biennale* yang lebih berprofil tinggi dan komersial. Perkara ini juga menjadikan karya-karya mereka berilai untuk dilihat dan dipelajari. Tambahan pula, subjek yang digunakan adalah historiografi dan sejarah Melayu serta Nusantara.

6.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, karya-karya Roshidah Ismail dan Ahmad Pual Osman memendakikan budaya seni kontemporari berperanan sebagai medium interpretasi sejarah dan identiti Nusantara yang berdaya tahan dalam wacana seni moden. Pendekatan kritikal mereka dalam mengolah naratif sejarah, termasuk menyatukan warisan tradisional dan kolonial, menjejaskan bagaimana seni dapat berfungsi sebagai arkib visual yang menghubungkan masa lalu dengan konteks semasa. Selain itu, pengetahuan mereka dalam pameran bertaraf antarabangsa memajukan pengiktirafan global terhadap nilai intelektual dan estetika karya mereka, sekaligus membuka ruang bagi pemahaman yang lebih mendalam terhadap historiografi Melayu dan Nusantara. Oleh itu, kajian ini menegaskan budaya seni kontemporari bukan sekadar kategori kreatif, tetapi juga satu bentuk dialog sejarah yang terus berkembang, memperkayakan wacana budaya dan warisan dalam landscape seni global.

6.1 Penghargaan

Penulis merakamkan jasa penghargaan kepada Balai Seni Negara atas sokongan, rujukan dan sumber manusia yang disalurkan dalam menjalankan pameran NUSA. Di sini juga, ucapan terima kasih kepada Institute Creative and Technology (iCreati) UNIMAS atas kerjasama dan sokongan kajian ini dijalankan.

6.2 Rujukan

- Akmal, A. (2021). *Prolog NUSA: Pameran kolosal setiap negara*. Kuala Lumpur, Malaysia: Balai Seni Negara.
- Aras, B. M. (2008). *Preparasi seni anti terhadap seni kontemporari Malaysia: Providing Nidang Seni* (pp. 27-36). Kuala Lumpur, Malaysia: Balai Seni Negara.
- Bakhtisham. (2024). *Komersial dan tradisi: Seni generasi perubahan ideologi*. Dalam *Kritikisme dan pindaan margin* (pp. 87-90). Kuala Lumpur, Malaysia: Balai Seni Negara.
- Bourriaud, N. (2002). *Relational aesthetics*. Paris, France: Les Presses du Réel.
- Grayling, A. C. (2010). *History*. Dalam *Thinking of answers: Questions in the philosophy of everyday life* (pp. 95-101). London, UK: Bloomsbury.
- Ibrahim, A. (2017). *Gastronomic heritage of Langkawi: A micro study of Langkawi*. Dalam *Langkawi cook book: Roshidah Ismail* (pp. 3-10).
- Lee, M. (2016). *Ceremonial introduction, A part of absence*. Dalam *Singapore Biennale: An atlas of mirrors* (pp. 188-191). Singapore: Singapore Art Museum.
- Mo, X. (2016). *Tamaraiah dengan pebalik Roshidah Ismail*. *Asian Art Archive*.
- Nelson, R. (2013). *Practice as research in the arts: Principles, processes, pedagogies, instances*. New York, NY & London, UK: Palgrave Macmillan.
- Osman, A. F. (2019). *A exhibition guide: At the end of the day even art is not important*. Kuala Lumpur, Malaysia: Balai Seni Negara.
- Piyakau, R. (1981) *Pengalihan Lanting Tempunan dalam Seni Modern Malaysia, 1939-1981*. Kuala Lumpur, Malaysia: Museum Seni Negara
- Shariff, Z. A. (1994). *Visions and ideas*. Kuala Lumpur, Malaysia: Balai Seni Lukis Negara.
- Zain, I. (1979). *Masa depan media - Ditamatkan kepada pengalaman peribadi di Malaysia*. Seminar Akar-Akar Kesenian Peribadi dan Perkembangan Kiri, ITM.